



Renungan Pagi dan Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-64 Malaysia Peringkat Jabatan TNC (HEP)

22 Ogos 2021- Hari ini, Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi dan Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-64 Malaysia dengan tema Malaysia Prihatin yang dilaksanakan secara atas talian di medium Cisco Webex bermula jam 8.00 pagi. Program ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Encik Mohammad Hasyiq bin Hamdan dan bacaan doa disampaikan oleh saudara Muhammad Shahid bin Muhammad Shah. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP) UTMJB dan UTMKL.

Objektif program ini ialah untuk memperingati pengorbanan nenek moyang kita yang merupakan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan demi tanah air tercinta. Mereka adalah pembakar semangat kepada generasi muda pada hari ini supaya negara sentiasa terpelihara dan dapat mengejar kemajuan setanding dengan negara maju.

Program pagi ini dirasmikan oleh TNC (HEP), YBrs. Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin dan beliau berkata, "banyak pengorbanan yang telah dilakukan oleh nenek moyang kita terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan setelah berusaha dan merancang dengan bersungguh-sungguh. Kita sebagai generasi milenium perlu menghargai dan berusaha memajukan negara setanding dengan negara maju".

Dr. Zulfikar telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk Renungan Merdeka. Dr. Zulfikar telah menjelaskan ketahanan diri merangkumi emosi, sikap dan pemikiran dalam menghadapi cabaran hidup selepas merdeka. Pada dasarnya, kita perlu mewujudkan keikhlasan dalam emosi, sikap dan pemikiran dengan meniatkan segala yang dilakukan adalah ibadah kepada Allah.

Program diteruskan lagi dengan bacaan sajak oleh Pn. Norzielawaty binti Zainal Abidin bertajuk Merdekakah Kita nukilan Mantan Naib Canselor UM ke-8, Prof. Emeritus Dato' Dr. Hashim Yaacob. Sajak kedua pula disampaikan oleh En. Khairil Zaidi bin Mohd Zaki bertajuk Tanah Air nukilan Allahyarham Dato' Usman Awang.

Majlis ini diakhiri dengan nyanyian Lagu Patriotisme, Jalur Gemilang daripada staf sambil mengibarkan bendera serta membaca ikrar bagi menghayati aspirasi yang terkandung dalam Rukun Negara.

The image shows three screenshots of a Cisco Webex meeting. The top screenshot displays the 'PROGRAM RENUNGAN PAGI & PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KE-64 MALAYSIA' banner. The middle screenshot shows a video feed of Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin speaking. The bottom screenshot shows a grid of participant video feeds, with one participant in the foreground wearing a blue shirt and a face mask, and another participant in the bottom left corner also wearing a face mask.